

Headline	Perspektif seni rupa di Malaysia		
MediaTitle	Kosmo		
Date	25 Nov 2013	Language	Malay
Circulation	115,967	Readership	406,000
Section	Kosmo 2	Page No	26
ArticleSize	431 cm ²	Journalist	N/A
PR Value	RM 11,242		



Perspektif seni rupa di Malaysia

Projek siri buku ini bertujuan untuk menghidangkan pelbagai pandangan dan perspektif mengenai seni rupa di Malaysia.

SELEPAS lebih setahun melancarkan jilid pertama siri *Naratif Seni Rupa Malaysia*, RogueArt kini tampil mempersembahkan siri kedua dengan tajuk *Reaksi - Strategi Kritikal Baru*.

Projek penerbitan siri buku ini mengumpul penulisan-penulisan baharu dan lama berkenaan seni rupa Malaysia yang dihasilkan oleh ahli-ahli akademik, artis, kurator, penulis budaya, wartawan dan pendukung seni dari dalam mahupun luar negara.

Jilid 2: Reaksi - Strategi Kritikal Baru meninjau perubahan-perubahan yang berlaku dari sudut pendekatan dan sikap di dalam penghasilan seni sepanjang 45 tahun lalu.

Ia juga menyorot kaedah-kaedah yang dipakai oleh artis-artis Malaysia untuk memberi respons mereka terhadap peristiwa-peristiwa dan kemelut-kemelut yang terjadi di dalam sejarah sosial dan politik negara.

Jika jilid pertama bertajuk *Menanggap Identiti* meninjau secara umum landskap seni rupa Malaysia sejak zaman kolonial, jilid kedua pula memaparkan meneliti perkembangan seni rupa pada era sekarang.

"Seni rupa Malaysia telah mengalami banyak peralihan dan perubahan baharu natijah daripada segenap peristiwa yang berlaku beberapa tahun kebelakangan ini.

"Justeru, buku ini membicarakan tentang pengalaman golongan artis dan penulis seni yang mengambil pendekatan lebih kritikal terhadap seni dan hidup secara amnya," ujar Hanim Khairuddin, salah seorang editor untuk jilid kedua ini.

Perbagai pandangan

Ia turut menampilkan suara-suara penting dalam dunia seni rupa Malaysia dari dekad 70-an membawa ke dekad 90-an sehinggalah kepada generasi artis, penulis dan penyelidik yang lebih muda.

Esei-esei dan wawancara-wawancara yang dipaparkan di dalam jilid ini memperlihatkan keterdesakan dan kehairahan yang mendasari serta menunjangi perkembangan seni rupa dan praktis kesenian Malaysia yang kontemporari.

"Projek *Naratif Seni Rupa Malaysia* ini bertujuan untuk menghidangkan pelbagai pandangan dan perspektif yang berbeza-beza mengenai seni

rupa Malaysia," kata seorang lagi editor buku ini, Beverly Yong merangkap Pengarah *RogueArt*.

Ketika ditanya bila dua buah jilid buku dalam projek tersebut akan diterbitkan, Yong menjawab: "Kami berazam untuk menyiapkan keseluruhan projek ini pada bulan Disember 2014."

Struktur penerbitan sebanyak empat jilid itu dirangka berlandaskan beberapa tema dan topik. Jilid 1 dan 2 memperkatakan tentang penghasilan seni, praktis dan sejarah manakala Jilid 3 menyentuh peranan dan ciri infrastruktur dunia seni rupa Malaysia.

Jilid 4 pula akan menyorot beberapa sudut pandangan berkaitan isu-isu pokok dalam konteks pembacaan serta penafsiran seni rupa Malaysia.

Sebelum ini, buku jilid pertama telah dilancarkan pada 7 Julai 2012 di Balai Seni Visual Negara (BSVN)


manakala buku kedua di Galeri Annex, Pasar Seni, Kuala Lumpur.

Turut hadir, Pengarah Konsultant buku tersebut, T. K. Sabapathy.

Penerbitan buku-buku tersebut berjaya dihasilkan dengan tajaan, sokongan pelbagai badan korporat dan individu. Antaranya, Khazanah Heritage and Art Initiative, BSVN, Bangsar Village, Gudang Damansara, Malakoff Corporation Berhad, Tenaga Nasional Berhad, Libra Invest Berhad dan Helu Trans.

Berharga RM40, buku ini boleh didapati di kedai-kedai buku utama di seluruh negara.

Headline	Perspektif seni rupa di Malaysia		
MediaTitle	Kosmo		
Date	25 Nov 2013	Language	Malay
Circulation	115,967	Readership	406,000
Section	Kosmo 2	Page No	26
ArticleSize	431 cm ²	Journalist	N/A
PR Value	RM 11,242		



DARI kiri: Beverly, Sabapathy dan Hanim sewaktu pelancaran siri kedua buku *Naratif Seni Rupa Malaysia* bertajuk *Reaksi - Strategi Kritikal Baru* di Pasar Seni, Kuala Lumpur baru-baru ini.



HANIM berharap buku ini mampu memberi gambaran seni rupa Malaysia kepada masyarakat.